
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HFA 101 – PENGANTAR FALSAFAH

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Kertas ini mempunyai EMPAT Bahagian. Pilih SATU soalan dalam Bahagian A, SATU soalan dalam Bahagian B, SATU soalan dalam Bahagian C, dan SATU soalan lagi dari mana-mana Bahagian A, B, atau C. Jawab EMPAT soalan sahaja.
2. Jumlah markah untuk setiap soalan adalah sama.

Bahagian A:

1. Bincangkan secara mendalam dua hujah St. Thomas Aquinas untuk kewujudan Tuhan - “Hujah Daripada Pergerakan” dan “Hujah Daripada Penyebaban.”
[100 markah]
2. Bincangkan secara mendalam dua hujah St. Thomas untuk kewujudan Tuhan – “Hujah Daripada Kontinjenzi” dan “Hujah Daripada Tahap Kesempurnaan yang Berbeza.”
[100 markah]

Bahagian B:

3. Dalam Falsafah Awal Daoisme adanya exposisi mengenai *Dao* yang berkenaan dengan Wujud dan Bukan-Wujud. Jelaskan cara-cara bagaimana konsep yang kelihatan tidak konsisten ini boleh dikaitkan bersama dengan *Dao*. Pada pendapat anda apakah cara yang paling munasabah? Kenapa?
[100 markah]
4. Jelaskan polariti *Yin-Yang* dalam falsafah Daoisme Awal. Kenapakah prinsip *Yin* diberi keutamaan?
[100 markah]
5. Jelaskan secara mendalam fungsi *Wu-wei* dari segi epistemologi dan dari segi etika.
[100 markah]

Bahagian C:

6. [a] Perspektivisme dan pragmatisme adalah dua komponen penting dalam falsafah Friedrich Nietzsche. Sila beri penjelasan yang cukup lengkap mengenai kedua komponen ini dan pada pendapat anda nyatakan kekuatan dan kelemahan hujahan Nietzsche?
[50 markah]
- [b] Beri hujah Jean-Paul Sartre yang mengkritik postulat “ego transental” yang dicadangkan oleh Edmund Husserl.
[50 markah]

7. [a] Bincangkan pendapat Sartre yang berkenaan dengan “kewujudan mendahului intipati” (“eksistensi mendahului esensi”), *angst*, *bad faith*, dan “manusia dikutuk untuk menjadi bebas.” [50 markah]
- [b] Bincangkan perbezaan antara “moraliti tuan” dan “moraliti hamba” yang dibentangkan oleh Nietzsche. [50 markah]